

Headline	Kaunter laju menu cita rasa Malaysia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	18	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	69 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,417
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,251



Kaunter laju menu cita rasa Malaysia

Bagi memastikan setiap jemaah haji Malaysia berasa selesa di Tanah Suci Makkah, Tabung Haji menyediakan Kaunter Laju yang menawarkan pelbagai jenis makanan bercita rasa Malaysia khususnya menu sarapan pagi di beberapa tingkat bangunan Abraj Jana-

diriyah.

Menu seperti nasi goreng, nasi lemak, bihun, roti canai dan kuih tradisional serta air kopi atau teh menjadi pilihan kepada jemaah yang boleh membeli makanan itu seawal jam 5 hingga 8 pagi pada harga yang berpatutan.

Ketua Pegawai Operasi TH

Global Services Sdn Bhd (TH Global Services), Adly Mohamad berkata, pengenalan kaunter itu yang pertama kali dijalankan bertujuan mengelakkan kesesakan dan jemaah tidak perlu beratur panjang mendapatkan menu sarapan pagi.

Beliau berkata, ketika ini,

jemaah haji dibekalkan dengan makanan tengah hari percuma pada jam 11 pagi hingga 2 petang dan makan malam (dari jam 6 petang hingga 9 malam) dengan setiap menu dihidangkan berdasarkan kepada panduan diet yang dipersetujui Kementerian Kesihatan.